

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

5. Kualiti jalan oleh kontraktor yang menurap jalan di Jalan Mt Erskine kurang memuaskan dan isu ini telah keluar di surat khabar. Siapakah kontraktor tersebut dan apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap kontraktor ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

5. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memberi permit kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menjalankan kerja-kerja penggalian bagi penanaman dan pemasangan kabel di Jalan Mount Erskine. Buat masa ini, kerja-kerja penggalian jalan di Jalan Mount Erskine sedang dilaksanakan oleh pihak TNB untuk Projek Penanaman dan Pemasangan Kabel 132kv, 33kv dan 11kv yang berskala besar. Pihak TNB telah melantik Syarikat Worktime Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja-kerja terlibat termasuk penurapan semula jalan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui MBPP telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat amaran kepada TNB dan Notis Berhenti Kerja kerana kerja-kerja pembaikan jalan yang tidak sempurna.

Sehubungan itu, pihak TNB telah menurap semula jalan secara sementara memandangkan kerja-kerja penggalian bagi penanaman dan pemasangan kabel belum disiapkan lagi. MBPP juga telah mengarahkan TNB untuk melapis baharu muka jalan sepenuhnya dengan kaedah kisar dan turap (*mill and pave*) secara berperingkat untuk mengatasi masalah ini. Kerja-kerja melapis baharu muka jalan ini

dijangka akan dimulakan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).